

27 OCT 1997

Ramli-Calon

BN PILIH KETUA UMNO BUKIT GANTANG UTK CHANGKAT JERING

IPOH, 27 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) telah memilih Ketua Umno Bahagian Bukit Gantang Mat Isa Ismail, 49, sebagai calonnya bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Changkat Jering.

Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib yang membuat pengumuman itu berkata Mat Isa dipilih kerana pengalamannya yang luas dalam bidang politik selain sebagai anak watan Changkat Jering.

Mat Isa telah menjawat pelbagai jawatan dalam parti daripada peringkat Pemuda kepada Bahagian Umno Bukit Gantang, kata Ramli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Barisan Nasional Negeri, pada persidangan berita di pejabatnya di sini hari ini.

Penanaman calon bagi pilihan raya kecil itu akan diadakan Rabu ini dan pengundian telah ditetapkan pada 8 Nov. Kerusi itu kosong ekoran kematian Datuk Mohamad Razlan Abdul Hamid pada 26 Sept lepas.

Mat Isa, yang melibatkan diri dalam perniagaan sejak 1984, adalah ketua cawangan sejak tahun 1980 hingga sekarang, Ketua Pemuda bahagian dari 1982 hingga 1993 dan Ketua Bahagian mulai 1995.

Beliau juga menjawat jawatan Setiausaha Eksekutif Pergerakan Pemuda Umno dari 1987 hingga 1993 dan setiausaha sulit kepada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak semasa beliau memegang jawatan Menteri Pertahanan dari 1993 hingga 1994 dan Menteri Pendidikan selama setahun.

Ramli yang membuat pengumuman itu bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN, juga melahirkan keyakinan yang BN akan terus mempertahankan kawasan itu yang merupakan kubu BN.

Katanya, BN telah bersiap sedia untuk menghadapi tentangan dari mana-mana parti lawan kerana ia menjangka sekurang-kurangnya akan wujud pertandingan satu lawan satu untuk merebut kerusi itu.

Beliau berkata pada hari penamaan calon itu nanti, seramai 5,000 hingga 10,000 penyokong dan anggota parti komponen BN akan berarak mengiringi Mat Isa dari pejabat Umno Bukit Gantang ke pusat penanaman calon di Pejabat Daerah Larut, Matang dan Selama di Taiping.

Sementara itu Mat Isa yang ditemui di sini berkata beliau amat berterima kasih kerana kepercayaan Ramli dan Dr Mahathir untuk mencalonkannya.

Beliau berkata, Umno Bahagian Bukit Gantang telah membuat persediaan sejak sebulan lepas untuk menggerakkan semua jentera parti bagi memastikan kejayaan bagi parti itu.

Dalam bidang perniagaan Mat Isa merupakan seorang pengarah Innovest Bhd dan pengarah urusan Norlina Holdings Sdn Bhd yang terbabit dalam bidang pengangkutan dan pengerusi syarikat pelancongan Destiria Travel and Tours.

Kawasan Changkat Jering mempunyai 3,585 pengundi terdiri daripada 63.3 peratus Melayu, 28.6 peratus Cina, 7.5 peratus India serta 0.6 peratus bangsa lain. Ia diwakili BN tanpa kalah sejak pilihan raya diadakan.

Pegawai Pilihanraya Negeri, Nik Mustafa Nik Mat berkata setakat ini sebanyak lima borang penamaan calon telah dikeluarkan -- tiga dari pejabatnya dan dua dari Pejabat Daerah Larut, Matang dan Selama.

Katanya, parti komponen BN dan parti pembangkang PAS dan DAP adalah antara mereka yang telah memohon borang itu. Pemohon lain terdiri daripada dua orang perseorangan.

Beliau berkata pusat penamaan calon telah disiapkan dan akan dibuka dari pukul 9 pagi hingga 11 pagi Rabu ini. -- BERNAMA

HK NMO